KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## INISIATIF JALAN BAHARU MENGHUBUNGKAN ICQS BUKIT KAYU HITAM KE ICQS SADAO BAHARU

**BUKIT KAYU HITAM, KEDAH** – Inisiatif jalan baharu yang menghubungkan ICQS Bukit Kayu Hitam ke ICQS Sadao Baharu dijangka akan direalisasikan dalam jangka masa yang terdekat berikutan Lawatan Kerja Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Anwar Ibrahim ke ICQS Sadao pada 27 November 2023 atas jemputan rasmi Tuan Yang Terutama (TYT) Srettha Thavisin, Perdana Menteri Thailand.

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand telah bersetuju secara dasarnya berhubung jajaran rekabentuk dan isu teknikal yang berkaitan, agar projek ini dapat dilaksanakan bagi memastikan tahap kesaling hubungan antara kedua-dua negara dapat ditingkatkan.

Jaringan jalan penghubung ini terdiri daripada satu jalan utama 6 lorong 2 hala (K3-3) sepanjang 900 meter dengan piawaian U5, dan Jalan Khidmat sepanjang 300 meter. Projek jalan ini juga melibatkan pengambilan tanah, perobohan dan pembinaan baharu Blok Asrama Kem Regimen Sempadan (5RS) serta beberapa struktur keselamatan lain seperti Pos Kawalan Akhir dan Pagar Keselamatan yang terkesan daripada jajaran jalan ini.

Kementerian Kerja Raya yakin dengan terbinanya jajaran baharu ini, keselesaan dan keselamatan pengguna dapat ditingkatkan selaras dengan aspirasi Kempen MyJalan. Pada masa yang sama, jalan baharu ini dijangka akan meningkatkan kegiatan ekonomi kedua-dua negara.

**DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI**
**MENTERI KERJA RAYA**
**28 NOVEMBER 2023**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia
WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL
Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101
Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur